

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[BESUT]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan senaraikan Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang terlibat dalam projek ECRL ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, kerja-kerja pembinaan sedang giat dijalankan dengan tumpuan kerja-kerja pembinaan tertentu di jajaran Seksyen B dari Dungun, Terengganu sehingga ke Mentakab, Pahang. Di antara kerja-kerja pembinaan tersebut adalah kerja-kerja pengorekan dan pembinaan terowong di terowong Dungun, terowong Paka dan terowong Kuantan. Disamping itu juga, kerja-kerja awalan di terowong-terowong lain juga telah bermula seperti di terowong Gambang, terowong Sri Jaya, terowong Gedung Siam dan juga terowong Paya Pasir yang kesemuanya terletak di negeri Pahang.

Bagi tahun 2020, dianggarkan sebanyak 101 lokasi-lokasi kerja yang dirancang akan bermula di sepanjang jajaran Seksyen A dan juga Seksyen B. Bagi Seksyen C jajaran dari Mentakab, Pahang sehingga ke

## NO. SOALAN : 19

Pelabuhan Klang, Selangor pula, Kerajaan sedang di dalam proses memuktamadkan jajaran ini. Sehingga bulan Jun 2020, kemajuan projek ECRL berada pada tahap 16 peratus dengan mengambil kira kerja-kerja awalan dan pra-pembinaan yang turut merangkumi kerja reka bentuk dan perolehan.

Pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) sebagai pemilik projek ECRL telah mendapat kelulusan skim keretapi bagi jajaran Seksyen A dari Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu pada 14 Mei 2020. Selain itu, kelulusan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) telah diterima pada 13 Mac 2020 dan juga Kajian Impak Warisan (HIA) pada 12 Mac 2020 bagi jajaran ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, laluan projek ECRL akan melalui tanah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Bagi jajaran Seksyen A (Kota Bharu - Dungun), sebanyak 210 lot tanah FELDA yang telah dikenalpasti di Terengganu dan kawasan yang terlibat adalah Felda Selasih, Felda Chalok dan Felda Chalok Barat. Bagi jajaran Seksyen B (Dungun - Mentakab) pula, sebanyak 125 lot telah dikenalpasti dan kawasan yang terlibat adalah Felda Sg. Panching Timur, Felda Sg. Panching Selatan, Felda Lepar Hilir 2, Felda Lepar Hilir 3 dan Felda Lepar Hilir 8. Manakala bagi jajaran Seksyen C (Mentakab - Pelabuhan Klang), sebanyak 166 lot tanah Felda terlibat di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 (pindaan 2016) merangkumi negeri Pahang dan negeri Sembilan di kawasan Felda Kemasul, Felda Chemomoi dan Felda Titi.

Perbincangan bersama pihak FELDA oleh MRL telah diadakan pada 27 Februari 2020 bagi memaklumkan lot tanah FELDA dan kawasan yang terlibat di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (pindaan 2016).

Keseluruhan projek ECRL ini dijangka siap pada Disember 2026.

Sekian, terima kasih.